



Tarikh : 19 November 2015	Tempat : Dewan Seminar, Pejabat Perhubungan Antarabangsa (OIA), Aras 1, Bangunan Inovasi, UiTM
Masa : 2.15 petang	

#### HADIR

- 1 Prof. Madya Dr Hayati Mohd Dahan  
Ketua  
Unit Pengurusan Risiko Pengerusi 1
- 2 Encik Mohd Saini Awang  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM Pengerusi 2
- 3 Dr Zaiton Nasir  
Pengarah  
Pusat Kesihatan UiTM
- 4 SUPT/PB Badarudin Mohd Dom  
Ketua Polis Bantuan  
Ibu Pejabat Polis Bantuan
- 5 Encik Norazman Bin Harun  
Timbalan Rektor  
UiTM Cawangan Melaka  
Kampus Alor Gajah
- 6 Encik Mohd Faisal Bin Abdull Rahim  
Timbalan Rektor  
UiTM Kelantan  
Kampus Cawangan Machang
- 7 Puan Fatimah Binti Sham  
Pengarah  
Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni

- 8 Dr Adnan Bin Derahman  
Pensyarah Kanan  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka
- 9 Encik Zakaria Bin Ishak  
Pegawai Keselamatan  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Bukit Mertajam
- 10 Puan Zuraini Binti Jusoh  
Penyelaras Kampus  
UiTM Cawangan Terengganu  
Kampus Dungun
- 11 Encik Hamdi Rahman Bin Mohd Yaacob  
Ketua Unit  
UiTM Cawangan Perak  
Kampus Sri Iskandar
- 12 Encik Ruwaidy Bin Mat Rasul  
Pensyarah  
UiTM Cawangan Melaka  
Kampus Alor Gajah
- 13 Puan Norazlina Binti Mahat  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Peperiksaan UiTM
- 14 Encik Azuwin Bin Ahya Ulpuraed  
Penolong Pengarah  
Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM
- 15 Encik Suria Bin Kamis  
Pegawai Keselamatan  
UiTM Cawangan Sabah  
Kampus Kota Kinabalu
- 16 Encik Mohd Faiezal Bin Bharum  
Pegawai Keselamatan  
UiTM Cawangan Johor  
Kampus Segamat
- 17 Puan Nor Afzan Zakaria  
Pegawai Kesatria  
Pusat KoKurikulum  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

- 18 Encik Mohamad Asri Bin Ismail  
Pegawai Kesatria  
UiTM Cawangan Perak  
Kampus Tapah
- 19 Encik Mohd Hanifah Bin Hashim  
Pegawai Eksekutif Kanan  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka
- 20 Encik Zaharol Fathillah Zakaria  
Pegawai Eksekutif Kanan  
Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
- 21 Encik Muhammad Hanif Bin Haji Abdul Ahmid  
Penolong Jurutera Kanan  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka
- 22 Encik Ekhwan Shafiq Bin Abdul Khalik  
Pegawai Eksekutif  
Pejabat Pendaftar
- 23 Encik Ashadi Bin Samut  
Penolong Akauntan  
Pejabat Bendahari
- 24 Encik Mohd Yazid Bin Abu Amar  
Kerani Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Peperiksaan UiTM
- 25 Encik Ahmad Nazaruddin Abd Rahim  
Kerani  
Unit Pengurusan Risiko
- 26 Cik Nor Azlina Bt. Abdul Aziz  
Kerani  
Pejabat Pembangunan
- 27 Encik Shaharin Sharif  
Penolong Jurutera  
Pejabat Pengurusan Fasiliti  
Penyelaras  
Pengurusan  
Bencana Banjir  
UiTM (Penyelaras)
- 28 Cik Suraiya Abdul Majid  
Penolong Pendaftar  
Unit Pengurusan Risiko  
Bahagian Canseleri dan Perhubungan Korporat  
Pencatat

## TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- 1 Prof. Madya Sr Mohamed Yaziz Ahmad  
Pengarah  
Pusat KoKurikulum  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
- 2 Encik Zailuddin Bin Ariffin  
Timbalan Rektor  
UiTM Cawangan Perlis  
Kampus Arau
- 3 Puan Rosnina Binti Mohd Nawi  
Penolong Pendaftar  
Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
- 4 Encik Muhammad Syafiq Bin Kamaruzaman  
Penolong Pendaftar  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban 3
- 5 Encik Mohamad 'Ammar Arsyad Bin Zainal Abidin  
Pegawai Eksekutif  
Pejabat Pendaftar

1.0	PENDAHULUAN	TINDAKAN
	<p>Pengerusi 1 memulakan mesyuarat dengan memberi salam kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.</p> <p>Pengerusi memaklumkan, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) tidak dapat menghadiri mesyuarat atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.</p> <p>Pengerusi turut memaklumkan tujuan mesyuarat ini diadakan adalah sebagai platform perkongsian pengalaman kampus-kampus yang pernah menghadapi bencana banjir serta jawatankuasa-jawatankuasa yang menguruskan operasi bantuan dan sukarelawan semasa bencana banjir bagi tujuan penambahbaikan pengurusan bencana banjir pada masa akan datang.</p> <p>Mesyuarat ini juga akan membincangkan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan sebagai persediaan menghadapi bencana banjir merangkumi perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Persediaan dan perancangan dalam menghadapi bencana banjir</li> <li>ii. Pendedahan dan latihan yang relevan untuk menghadapi bencana banjir</li> <li>iii. Tahap kesediaan pasukan menyelamat yang terlatih</li> <li>iv. Keperluan menggazetkan pusat operasi bencana yang dibuka kepada Majlis Keselamatan Negara</li> <li>v. Isu-isu komuniti setempat</li> <li>vi. Keperluan peralatan kelengkapan yang bersesuaian</li> <li>vii. Mengenalpasti pusat pemindahan yang sesuai</li> <li>viii. Koordinasi penghantaran dan agihan barang keperluan</li> <li>ix. Keperluan pakar perubatan</li> <li>x. Tabung Khas bagi pengumpulan wang sumbangan serta wang pengurusan bencana</li> </ol>	Makluman semua

2.0	HAL EHWAL PENGURUSAN BANJIR		
	2.1	<p>Pengerusi 2 memaklumkan pelantikan Encik Shaharin Sharif sebagai Penyelaras Pengurusan Bencana Banjir UiTM mulai 16 November 2015. Tugas-tugas penyelaras adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyelaras penubuhan dan lantikan Ahli Jawatankuasa Gerakan Bencana Banjir di peringkat Induk</li> <li>ii. Menyelaras mesyuarat Jawatankuasa Gerakan Bencana Banjir</li> <li>iii. Menyelaras agihan tugas Jawatankuasa Gerakan Bencana Banjir</li> <li>iv. Memantau keperluan sepanjang tempoh bencana banjir</li> <li>v. Menyelaras mesyuarat selepas bencana bagi tujuan penambahbaikan</li> </ul>	Makluman semua
	2.2	<p>Wakil UiTM Kelantan telah dijemput untuk berkongsi pengalaman semasa menguruskan banjir di Kelantan pada tahun lalu.</p> <p>Ringkasan kejadian :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Banjir berlaku sebanyak tiga kali pasang surut bermula dari pertengahan bulan Dis 2014 sehingga Jan 2015.</li> <li>b) UiTM Kampus Machang tidak terjejas kerana kedudukan kampus di kawasan yang tinggi. Namun begitu, pelajar-pelajar yang menyewa di luar kawasan kampus turut menjadi mangsa banjir apabila rumah kediaman mereka dinaiki air.</li> <li>c) UiTM Kampus Kota Bahru serta pelajar-pelajar turut terjejas dengan keadaan banjir.</li> <li>d) Satu jawatankuasa ad-hoc yang dipengerusikan oleh Rektor UiTM Cawangan Kelantan telah ditubuhkan bagi menguruskan mangsa-mangsa banjir yang terdiri daripada staf dan pelajar UiTM.</li> <li>e) Masalah yang dihadapi: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada persediaan awal bagi menghadapi banjir</li> <li>ii. Tiada penyelamat yang terlatih bagi operasi mencari dan menyelamatkan</li> </ul> </li> </ul>	Makluman semua

## 2.3 Jawatankuasa Pengurusan Bencana


### 2.3.1 Isu

Mesyuarat mengambil maklum pada ketika ini masih belum diwujudkan satu struktur khas yang tetap bagi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Induk serta Negeri.

Jawatankuasa hanya ditubuhkan secara ad-hoc apabila terjadi sebarang kejadian bencana.

Berdasarkan kepada Dasar dan Mekanisma Pengurusan Krisis UiTM yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Strategik Universiti dalam mesyuarat JPRSU Bil 1 Tahun 2014 bertarikh 9 Oktober 2014, Penyelaras telah membentangkan cadangan struktur Pasukan Gerakan Bencana Banjir seperti berikut:

### CADANGAN STRUKTUR PASUKAN GERAKAN BENCANA BANJIR



### 2.3.2 Cadangan


- a. Mesyuarat mencadangkan agar setiap kampus menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana dengan kadar segera. Jawatankuasa ini akan mula diaktifkan sebaik sahaja diisytiharkan Bencana Tahap 1 oleh pengurusan Universiti atau agensi keselamatan yang bertanggungjawab

- b. Penambahan Jawatankuasa Perubatan yang diketuai oleh Pusat Kesihatan didalam Pasukan Gerakan Bencana Banjir.
- c. UiTM Machang dijadikan Pusat Operasi Bencana Induk memandangkan Negeri Kelantan dilanda banjir setiap tahun.

**2.3.1 Keputusan**

- a. Pengerusi 2 memaklumkan struktur Pasukan Gerakan Bencana akan disemak semula dan ditambahbaik dari masa ke semasa. Jawatankuasa Perubatan akan ditambah seperti yang dicadangkan.

**STRUKTUR PASUKAN GERAKAN BENCANA BANJIR**



- b. Mesyuarat memutuskan, sebagai langkah pelaksanaan awal semua kampus hendaklah merujuk kepada Pelan Pengurusan Bencana yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan bencana di peringkat kampus masing-masing. Pelan tersebut boleh disesuaikan mengikut keperluan kampus masing-masing.
- c. Semua kampus perlu menyediakan :
  - i. senarai keperluan peralatan dan keperluan bencana serta lain-lain barangan yang diperlukan
  - ii. senarai nombor telefon jabatan-jabatan keselamatan, organisasi-organisasi sukarelawan dan lain-lain yang diperlukan

Penyelaras

Rektor Kampus UiTM

Rektor Kampus UiTM





		<p>d. Cadangan bagi menjadikan UiTM Machang dijadikan Pusat Operasi Bencana Induk tidak dipersetujui kerana Pusat Operasi Banjir perlu diletakkan di kampus Induk Shah Alam bagi memudahkan penyelarasan pengumpulan dan agihan bantuan serta pengurusan sukarelawan</p>	
	<p><b>2.4</b></p>	<p><b>Pasukan Penyelamat (<i>Emergency Response Team</i>)</b></p> <p><b>2.4.1 Isu</b></p> <p>a) Mesyuarat dimaklumkan, operasi menyelamatkan pelajar dan warga UiTM yang terperangkap dalam banjir terpaksa dilakukan sendiri oleh pihak universiti kerana ketidakcukupan petugas dan penyelamat terlatih semasa banjir besar melanda Kelantan.</p> <p>b) Penyelamat yang bertugas merupakan sukarelawan yang tiada kepakaran dalam bidang berkaitan. Perkara ini memberi risiko yang tinggi kepada penyelamat juga mangsa yang hendak diselamatkan kerana ia boleh mengancam keselamatan nyawa.</p> <p>UiTM boleh didakwa jika terdapat kecuaiian dalam operasi menyelamatkan kerana tiada kepakaran.</p> <p>c) <i>Emergency Response Team</i> (ERT) yang merupakan <i>special task force</i> bagi melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan masih belum ditubuhkan di UiTM. Tugas <i>Emergency Response Team</i> adalah berbeza daripada sukarelawan.</p> <p>Ketiadaan ERT merumitkan pasukan penyelamat bencana banjir sekiranya agensi penyelamat Negara tidak dapat menghulurkan bantuan segera. Pasukan sukarelawan yang menjalankan tugas-tugas menyelamatkan menimbulkan risiko keselamatan kepada mangsa dan sukarelawan sendiri.</p> <p><b>2.4.2 Cadangan</b></p> <p>a. UiTM perlu menubuhkan <i>Emergency Response Team</i> yang terlatih bagi menguruskan bencana yang melibatkan kampus-kampus UiTM.</p>	

		<p>b. Keahlian terbuka kepada semua staf yang berminat atau staf-staf yang berpengalaman dalam bidang berkaitan.</p> <p>c. Komander <i>Emergency Response Team</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Peringkat Induk : Ketua Polis Bantuan</li> <li>ii. Peringkat Negeri : Pegawai Tertinggi Polis Bantuan mengikut kampus</li> </ol> <p>d. Ahli-ahli <i>Emergency Response Team</i> perlu diberi latihan yang sesuai dan berterusan.</p> <p>e. Semua ahli yang dilantik perlu diberikan surat pelantikan rasmi bagi membolehkan petugas meninggalkan pejabat.</p> <p><b>2.4.3 Keputusan</b></p> <p>a. Penyelaras diminta menyemak semula garis panduan operasi menyelamatkan mangsa dari aspek kelayakan <i>Emergency Response Team</i>. Kenalpasti implikasi kepada petugas, sukarelawan dan Universiti sekiranya pasukan penyelamat tidak mempunyai had kuasa bagi menyelamatkan mangsa.</p> <p>b. Menetapkan syarat-syarat kelayakan bagi seorang penyelamat dengan merujuk kepada jabatan penyelamat seperti JPAM dan BOMBA.</p> <p>c. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan pelantikan Ketua Polis Bantuan / Pegawai Tertinggi Polis Bantuan mengikut kampus sebagai Komander <i>Emergency Response Team</i>.</p> <p>d. Unit Pengurusan Risiko diminta mendapatkan peruntukan latihan dari ILEAD bagi menyediakan kompetensi Pasukan Penyelamat serta latihan kepada sukarelawan staf</p>	<p>Penyelaras</p> <p>Penyelaras</p> <p>Ketua Polis Bantuan UiTM dan Rektor Kampus Cawangan</p> <p>Unit Pengurusan Risiko</p>
	<p><b>2.5</b></p>	<p><b>Pusat Pemindahan dan Bantuan</b></p> <p><b>2.5.1 Isu</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan semasa kejadian banjir di Kelantan pada 2014, Pusat Pemindahan yang menempatkan warga UiTM tidak didaftarkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini menyebabkan JKM tidak dapat menyalurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir tersebut.</p>	

		<p>Pihak Universiti perlu menyediakan bekalan makanan dan mendapatkan bantuan pakaian dan keperluan dari agensi-agensi NGO dan orang persendirian.</p> <p><b>2.5.2 Cadangan</b></p> <p>Mesyuarat mencadangkan agar kampus yang terlibat diwartakan pusat pemindahan kepada JKM bagi melayakkan penerimaan bantuan. Namun begitu beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pusat Pemindahan yang telah diwartakan perlu terbuka kepada semua mangsa banjir dan tidak terhad kepada warga UiTM sahaja</li> <li>b. Pengurusan pusat pemindahan yang diwartakan akan terletak di bawah JKM dan JPAM.</li> <li>c. Ruang dewan terhad. Pihak Universiti juga perlu menyediakan penempatan bagi para sukarelawan.</li> <li>d. Kos-kos membaikpulih pusat pemindahan selepas kejadian bencana perlu ditanggung sendiri oleh pihak Universiti</li> </ul> <p><b>2.5.3 Keputusan</b></p> <p>Perkara ini akan diputuskan semula setelah dibentangkan kepada pengurusan atasan.</p>	Penyelaras
2.6		<p><b>Pengurusan Sukarelawan</b></p> <p><b>2.6.1 Isu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mesyuarat dimaklumkan sukarelawan terbahagi kepada tiga kategori : <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Bantuan Sukarelawan Perubatan</b> : terdiri daripada pegawai dan kakitangan perubatan yang terlatih. Pasukan perubatan yang bertugas dipilih mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia</li> <li>ii. <b>Sukarelawan staf:</b> Sukarelawan terbuka kepada semua staf UiTM. Sukarelawan ini pada dasarnya tiada latihan khas menguruskan bencana hanya diberikan taklimat sebagai persediaan.</li> <li>iii. <b>Sukarelawan pelajar</b> : Sukarelawan terdiri</li> </ul> </li> </ul>	

		<p>daripada pelajar-pelajar kokurikulum beruniform serta terbuka kepada umum. Sukarelawan ini pada dasarnya tiada latihan khas menguruskan bencana hanya diberikan taklimat sebagai persediaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>b. Kriteria-kriteria asas sebagai sukarelawan telah disediakan dan dimaklumkan semasa taklimat oleh pihak ICAN dan Pusat Kesihatan.</li> <li>c. Semua sukarelawan diminta menandatangani surat akuan menjadi sukarelawan.</li> <li>d. Pusat kesihatan menyediakan kit persediaan untuk sukarelawan.</li> <li>e. Gerakan bantuan sukarelawan dari lain-lain kampus cawangan perlu mendapatkan kebenaran dari Naib Canselor dan ini melambatkan proses penghantaran bantuan.</li> </ul> <p><b>2.6.2 Cadangan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Para sukarelawan diberikan taklimat berserta senarai tugas yang perlu dilakukan untuk persediaan mental dan fizikal.</li> <li>b. Setiap jabatan dicadangkan untuk menghantar sukarelawan bagi membantu operasi bencana. UiTM tidak boleh bergantung kepada pelajar sepenuhnya bagi menjadi sukarelawan.</li> <li>c. ICAN akan mendapatkan bantuan kepakaran dari MERCY bagi melatih sukarelawan.</li> <li>d. Setiap kampus diberi kebenaran untuk menghantar bantuan tanpa melalui Naib Canselor. Hanya perlu melapor kepada Pusat Operasi Bencana Induk bagi memudahkan penyelarasan sukarelawan dan bantuan.</li> <li>e. Surat penghargaan perlu diberikan kepada semua sukarelawan dan petugas yang terlibat dalam menguruskan bencana</li> </ul>	
--	--	--	--

		<p><b>2.4.3 Keputusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Sukarelawan pelajar akan diuruskan oleh Pusat Ko Kurikulum. Pusat Ko bertanggungjawab menjalankan latihan kepada para sukarelawan pelajar.</li> <li>b. Pusat Ko, Bah Hal Ehwal Pelajar dan setiap kampus diminta menggunakan peruntukan Tabung Kegiatan Pelajar bagi menjalankan latihan-latihan kepada sukarelawan pelajar.</li> <li>c. Unit Pengurusan Risiko bertanggungjawab menyelaraskan latihan untuk para sukarelawan staf dengan memohon peruntukan daripada ILEAD.</li> <li>d. Pada masa ini, semua kampus yang ingin menghantar bantuan perlu mendapatkan kebenaran Naib Canselor. Perkara yang dicadangkan ini akan dibincangkan dengan pengurusan atasan.</li> </ul>	<p>Pusat KoKurikulum BHEP dan Rektor Kampus Cawangan</p> <p>Unit Pengurusan Risiko</p> <p>Penyelaras Pengurusan Bencana Banjir UiTM</p>
<b>3.0</b>	<b>CADANGAN PENAMBAHBAIKAN</b>		
	<b>3.1</b>	<p><b>Mesyuarat turut mencadangkan langkah-langkah berikut sebagai penambahbaikan pengurusan bencana:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kampus-kampus cawangan yang terlibat diminta menyalurkan maklumat ke Pusat Operasi Bencana Induk bagi tujuan perancangan dan penyelarasan bantuan</li> <li>ii. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Induk disarankan menyediakan saluran perkongsian maklumat bagi memudahkan maklumat disampaikan dari dan kepada semua pihak berkaitan.</li> <li>iii. Bilik Gerakan Operasi perlu diaktifkan sebaik sahaja diisytiharkan Bencana Tahap 1 oleh pengurusan Universiti atau agensi keselamatan yang bertanggungjawab.</li> <li>iv. Pelajar dipindahkan ke kawasan selamat apabila bencana diisytiharkan Bencana Tahap 1 oleh pengurusan Universiti atau agensi keselamatan yang bertanggungjawab.</li> <li>v. Perlu meningkatkan tahap kesedaran seluruh warga universiti bagi menghadapi segala kemungkinan bencana.</li> </ul>	

4.0	<b>RUMUSAN</b>		
	4.1	<p><b>Pengerusi 1 membuat rumusan seperti berikut:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Mesyuarat ini membincangkan hal-hal berkaitan pengurusan bencana banjir kerana keperluan mendesak bagi menghadapi bencana tersebut dengan tujuan untuk membuat penambahbaikan.</li> <li>b. Perbincangan yang terperinci bagi lain-lain bencana akan dimaklumkan kemudian.</li> <li>c. Semua Kampus Cawangan perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.</li> <li>d. Prosidur Operasi Standard (S.O.P) Pengurusan Banjir yang khusus untuk UiTM akan diwujudkan dalam masa yang terdekat.</li> <li>e. Bilik Gerakan Bencana perlu dikenalpasti dan dilengkapi dengan peralatan yang sesuai.</li> <li>f. Pusat pemindahan yang sesuai perlu dikenalpasti dan dilengkapi dengan keperluan yang sesuai.</li> <li>g. Lantikan dan pengurusan sukarelawan perlu dirancang bersama Rektor dan jawatankuasa di kampus masing-masing.</li> <li>h. Semua kampus disarankan mengambil inisiatif untuk menjalinkan rangkaian dan mendapatkan khidmat nasihat dengan agensi-agensy penyelamat dan keselamatan seperti JPAM, Bomba, MKN Negeri dan Pusat perubatan tempatan.</li> </ol>	
<p>Mesyuarat ini ditangguhkan pada jam 4.45 petang.</p>		<p>Disediakan oleh :   <b>SURAIYA ABDUL MAJID</b>  <b>PENCATAT</b></p> <p>Disemak dan disahkan oleh :   <b>PROF. MADYA-DR HAYATI MOHD DAHAN</b>  <b>PENGERUSI 1</b></p> <p>Tarikh : 4 Disember 2015</p>	